

Wawancara Pengerusi Bernama, Datuk Mohd Anuar Zaini bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam rancangan Bersemuka Bersama Perdana Menteri yang disiarkan TV3, jam 8.30 malam tadi.

Wawasan 2020 tetap jadi matlamat

Perdana Menteri mahu rakyat nikmati kehidupan lebih bermutu

BH - 9/8/2006

PADA 31 Oktober 2003, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangakat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri kelima. Pelbagai kenyataan dan dasar baru telah dikeluarkan, meniupkan satu angin perubahan yang menjanjikan bayu pembaharuan.

Imaginasi ini telah diterima rakyat jelata seperti dicerminkan sokongan padu dan kemenangan Barisan Nasional pimpinan besar pada pilihan raya umum pada 2004 lalu. Janji-janji itu telah diterjemahkan baru-baru dalam bentuk pelan pembangunan yang begitu menyeluruh iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

? Apakah inti pati utama sebagai memenuhi manifestasi pilihan raya 2004 seperti yang terkandung di dalam RMK-9.

Yang pertama ialah RMK-9 mempunyai satu matlamat besar untuk mencapai Wawasan 2020. Itu yang pertama dan kita masih di atas landasan itu.

Kedua, ia ada hubung kait dengan usaha membangunkan modal insan bermutu. Kalau kita kekurangan modal insan yang bermutu, kita tidak boleh menjadi negara maju bagi mencapai Wawasan 2020.

Seperkara lagi, ia ada hubung kait dengan betapa pentingnya kita meningkatkan lagi nilai tambah. Selain modal insan, nilai tambah perlu ditingkatkan kerana kita mahu supaya perbezaan ketara diatasi seperti dari segi kedudukan ekonomi dan peluang untuk menikmati kemajuan.

Saya juga mahu rakyat dapat menikmati satu kehidupan yang bermutu.

? Perkara-perkara yang menjadi keutamaan Datuk Seri ini memakan masa lama untuk dicapai umpamanya modal insan. Rakyat sudah dibiasakan dengan pembangunan fizikal hingga mereka beranggapan ia memberi manfaat langsung dan cepat.

Rancangan saya untuk membawa (mencapai) Wawasan 2020, maka, sebab itu perlu ada pendekatan yang mesti dilaksanakan sepanjang masa daripada sekarang sampai 2020, seperti RMK-9, RMK-10, RMK-11. Yang saya sebut tadi ialah teras yang menjadi perlu menjadi pegangan dalam semua rancangan berkenaan.

Sebab itu saya tekankan demikian, jika tidak longgarlah rancangan berkenaan, lepas itu barulah dalam RMK-9 umpamanya ada projek yang boleh dilihat dan hendak dilaksanakan itu. Pelbagai projek, ada pun yang telah diumumkan seperti membangunkan kawasan dan koridor baru yang mana pembangunannya telahpun dimulakan tahun ini.

Seperti yang diumumkan 880 projek bernilai RM15 bilion, ia adalah pembangunan fizikal, itu belum habis lagi, baru peringkat pertama... nanti akan diumumkan lagi selepas ini dari semasa ke semasa.



BUAT PENJELASAN: Abdullah menjawab soalan Mohd Anuar pada sesi wawancara khas yang akan disiarkan melalui TV3, malam tadi.

**? Perkara-perkara yang menjadi ke-
utamaan Datuk Seri ini memakan
masa lama untuk dicapai umpamanya
modal insan. Rakyat sudah dibiasakan
dengan pembangunan fizikal hingga
mereka beranggapan ia memberi man-
faat langsung dan cepat.**

Rancangan saya untuk membawa (men-
capai) Wawasan 2020, maka, sebab itu
perlu ada pendekatan yang mesti dilak-
sanakan sepanjang masa daripada seka-
rang sampai 2020, seperti RMK-9, RMK-10,
RMK-11. Yang saya sebut tadi ialah teras
yang menjadi perlu menjadi pegangan da-
lam semua rancangan berkenaan.

Sebab itu saya tekankan demikian, jika
tidak longgarlah rancangan berkenaan, le-
pas itu barulah dalam RMK-9 umpamanya
ada projek yang boleh dilihat dan hendak
dilaksanakan itu. Pelbagai projek, ada pun
yang telah diumumkan seperti memba-
ngunkan kawasan dan koridor baru yang
mana pembangunannya telahpun dimula-
kan tahun ini.

Seperti yang diumumkan 880 projek ber-
nilai RM15 bilion, ia adalah pembangunan
fizikal, itu belum habis lagi, baru peringkat
pertama.... nanti akan diumumkan lagi se-
lepas ini dari semasa ke semasa.

**? Adakah ini perubahan yang cukup
berbeza, sebab penilaian rakyat se-
lama ini ialah Yang Amat Berhormat
(YAB) sangat berhati-hati, bimbang de-
ngan defisit negara. Tiba-tiba muncul
dengan pengumuman besar - RM15 bi-
lion yang akan dibelanjakan untuk 880
projek.**

Ini kerana (kita) ada duit, dan kita boleh
keluarkan wang itu. Dulu, ketika saya
ambil alih (jadi PM) defisit (bajet) agak
tinggi dan jika terus meningkat ia akan
membawa kesan tidak baik, terutama per-
sepsi terhadap diri saya dan juga menjadi
masalah kerana saya adalah Perdana Men-
teri dan Menteri Kewangan, jadi dengan itu
ia akan membawa kesan buruk kepada
ekonomi.

Pada masa itu tentulah (perlu) diberi
perhatian kepada defisit, tetapi kita berjaya
mengurangkannya dari setahun ke seta-
hun. Sewaktu ia dikurangkan, ekonomi
masih menikmati pertumbuhan dan kea-
daan inflasi masih dapat dibendung pada
waktu itu.. tapi bila harga minyak naik, apa
boleh kita buat.

Tapi dengan inflasi dapat dikawal, eko-
nomi semakin bertumbuh dan defisit yang
semakin rendah, ini adalah satu penca-
paian baik yang perlu diakui.

Apabila defisit sudah turun, maka se-
karang kita sudah sedia untuk memulakan
perbelanjaan, pada masa dulu tak boleh.
Dengan adanya peningkatan habuan sebab
pendapatan Petronas pun meningkat (ke-
rana harga minyak naik) maka bolehlah
kita belanja wang dan kita guna pende-
katan lain termasuk Inisiatif PFI.

**? Bagaimana dengan agihan peluang
untuk rakyat menikmati RM15 bi-
lion itu.**

Ia akan dibelanjakan menerusi tender,
semua orang akan dapat peluang untuk
dapat kontrak berkenaan.

880 projek yang hendak ditender itu pula
merangkumi projek besar dan kecil, untuk
keperluan pelbagai kelas kontraktor da-
ripada A sampailah F. Ia bukan satu kon-
sentrasi kepada projek besar saja. 880 un-
tuk semua kategori.

**? Itulah hasrat Datuk Seri untuk ia
(tender) dibuat secara terbuka dan
adil...**

Ini akan merangsang sektor pembinaan
yang sekarang agak lembap, dan kedai
perkakasan semua akan turut menikmati
(manfaatnya).

**? Biasanya walaupun ada hasrat baik
daripada pemimpin, mereka tak ada
masa untuk meneliti di peringkat pe-
laksanaan. Jadi mungkin sudah ada sa-
tu jurang antara hasrat ini dan pering-
kat mikro atau pelaksanaan, mungkin
ada jurang antara niat dan pelaksanaan
yang banyak (mengundang) keraguan
selama ini**

itu juga keseimbangan saya, jadi dalam teras kelima RMK-9 ialah pelaksanaan. Pelaksanaan itu sendiri menjadi satu perancangan, sebab itu ditubuhkan NITF - satu jawatankuasa pelaksanaan, saya Pengerusi, (Datuk Seri) Najib sebagai timbalan dan menteri yang mewakili agensi pusat, jadi ahli jawatankuasa ini.

Saya yakin pelaksanaan perlu berjalan dengan baik tanpa kelam kabut, perlukan koordinasi, jadi pelaksanaan perlu dirancang.

Jika sudah ada perancangan, saya akan turun ke peringkat yang sudah berupa mikro management. Saya tak berapa minat dengan pengurusan pada peringkat terperinci seperti ini, kerana bukan kerja sebagai Perdana Menteri untuk berbuat begini. Kita ada menteri, kerana ia kerja mereka semua, kalau (mereka) tak boleh kita gantikan dengan orang lain.

Itu yang saya hendak, kita sudah ada dasar makro dan semua strategi sudah diatur; tetapi apabila kita sudah tetapkan bahawa pelaksanaan itu menjadi satu program, ia perlu dihalusi dan dilaksanakan dengan baik. Mahu tak mahu saya kena turun ke peringkat mikro dan lihat bagaimana projek berkenaan dilaksanakan..

Sebab itu dalam lawatan ke negeri, saya jumpa pegawai dan minta diterangkan (perkembangan projek). Baru-baru ini di Terengganu, saya minta pegawai terangkan apa yang berlaku di pejabat daerah supaya dapat dipercepatkan waktu kelulusan seperti kelulusan tanah yang mengambil masa sebelum ini.

? Orang sekarang persoalan mengenai peluang ekonomi dan tender, siapa yang dapat manfaat daripada peruntukan RM15 bilion tu, di bilik berita, pemberita kutip cerita bahawa RM15 bilion tu sudah diberikan? Pengumuman itu hanya wayang dan cakap saja sedangkan ada orang sudah mendapat projek.

Itu cakap tak betul langsung, seolah-olah saya menipu rakyat... dia membuat satu gambaran saya menipu rakyat, mengemukakan sesuatu (RM15 bilion-880 projek) yang sudah diberikan kepada orang lain... ini cakap fitnah.

Kalau betul berani, tulis surat, biar berani kerana benar. Cakap dan kita akan ambil tindakan. Saya nak dia buktikan di mana dia dapat maklumat dan kalau tak dapat (buktikan) rasalah padahnya.

Bagi surat kepada saya dan dia boleh bagi salinan kepada orang lain kalau dia nak bagi seperti kepada polis, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan mana-mana lagi agensi lain, sila kemukakan bukti dan jelaskan.

Ini dia (orang yang menuduh) nak menghina kerajaan, dia nak menghina saya. Mana boleh begitu.

? Dakwaan sebegini mencalar imej bersih Datuk Seri, mengapa keadaan ini boleh berlaku

Saya tak tahu sebab-sebabnya, orang berkenaanlah yang tahu mengapa dia ada sebab untuk buat tuduhan memperlecehkan saya, mungkin dia ada agenda tertentu. Kalau dia tuduh saya rasuah, tulis saja, buat apa nak mengata, ini tunjukkan dia tak ikhlas dan mungkin saya boleh katakan dia jahat.

? Ramai juga orang yang masih percaya Datuk Seri masih bersih, cuma mungkin ada orang sekeliling yang mempengaruhi, seperti Khairy Jamaludin, menantu YAB.

Begini. Khairy dulu bekerja dengan saya, sebagai pegawai dia ada peranan, semua pegawai berperanan memberi laporan, soal saya terima atau tidak, ini keputusan saya.

Apabila dah timbul cerita (kononnya) anak 28 tahun ini berpengaruh sangat, dia berhenti, dan tak mahu lagi bekerja dengan saya. Tapi dia pun nak hidup juga.

Jadi dia beli syer yang kecil, jadi rakan (pemegang saham) dalam ECM Libra Bhd sebagai seorang yang punyai syer kecil dan saya tahu dia ambil loan untuk tujuan berkenaan.

Tapi kalau katakan dia rampas, ambil pelbagai projek, tiada bukti pada saya beliau berbuat demikian (mendapat projek kerajaan). Tak ada.

? Adakah jadi dilema yang berat kepada Datuk Seri, Khairy selain anggota keluarga Perdana Menteri, dia juga mempunyai pengaruh dalam politik.

Soalnya, kalau dia dah masuk menjadi ahli Pemuda dan pegang jawatan Naib Ketua, dan saya masih ingat, saya cakap terang-terang, tak tahulah kalau Hisham (Datuk Seri Hishammuddin Hussein) marah kerana dia cakap;

"Saya (Hishammuddin) dah buat keputusan nak cadangkan Khairy jadi naib ketua pemuda, Pak Lah jangan kacau, ini hal Pemuda. Pemuda pilih siapa yang ia mahu, we want him (kami mahukan dia), Pak Lah jangan kacau."

Bila jadi Naib Ketua Pemuda, dia kenalah buat kerja, sejauh mana pengaruh dia kepada Pemuda bergantung kepada apa yang boleh dilakukan, diusahakannya... soal dia jadi menantu saya, saya tak anggap itu sebagai faktor nombor satu. Kita tak boleh beri sesuatu hanya dengan menganggap dia anak si polan bin si polan.

Orang nak tahu sejauh mana kemampuan dia, mungkin pada peringkat pertama di boo seumpamanya, tapi pada perhimpunan Umno tahun sudah, dia (Khairy) begitu berkemampuan membawa usul Pemuda mengenai ekonomi, dan dipuji pula. Sebelum itu keadaannya lain.

? Apa garis panduan untuk memisahkan antara ahli keluarga, hubungan dengan Naib Ketua Pemuda dan hubungan antara Perdana Menteri dan ketika dia memohon projek.

Saya lihat dia sebagai pemegang jawatan dalam Umno, dan Naib Ketua Pemuda Umno, (jika) dia bercakap adalah atas dasar Umno. Tak pernah dia gertak, tak pernah Khairy datang minta saya luluskan projek tertentu, tak pernah. Dia tahu saya tak akan beri, saya tak akan beri pada dia.

? Adakah dia digunakan oleh orang berkepentingan.

Mungkin ada orang nak gunakan dia. Orang sebegini akan mencari anak, menantu, isteri dan kawan karib, kawan sekolah, orang kampung yang kenal saya. Macam-macam orang pergi cari orang di Kepala Batas dan lepas itu bertindan kertas (permohonan projek).

Semua orang yang nak sesuatu, akan cari siapa yang mereka ingat akan boleh membantu mereka, tapi yang penting dan akan buat keputusan adalah saya. Banyak orang marah kat saya, tak pernah bagi apa-apa kepada mereka setelah beberapa lama jadi Perdana Menteri. Ada juga yang dapat tapi senyap saja ... yang tak dapat komplek bukan main panjang. Kita kena adil dalam hal ini, tak boleh ikut suka.

? Adakah Datuk Seri terlalu berhati-hati, teliti, hinggakan banyak pelaksanaan projek pembangunan penting tertangguh.

Kalau perkara itu penting kita perlu masa untuk fikir mengenai perkara itu. Saya ada pengalaman dua tahun setengah sebagai PM, saya tahu orang kata kuasa PM itu banyak, tapi dalam hal ini saya tiada banyak pengalaman untuk membuat sesuatu secepat mungkin.

Saya tahu satu perkara sejak jadi PM, apa yang saya buat, buruk baiknya banyak orang akan terima kesannya. Kalau baik Alhamdulillah, tapi kalau buruk ramai orang akan menderita dan sengsara, ini yang saya takut.

“Rancangan saya untuk membawa (mencapai) Wawasan 2020, maka, sebab itu perlu ada pendekatan yang mesti dilaksanakan sepanjang masa daripada sekarang sampai 2020”

“Apabila defisit sudah turun, maka sekarang kita sudah sedia untuk memulakan perbelanjaan. Dengan peningkatan habuan sebab pendapatan Petronas meningkat maka bolehlah kita belanja wang”

“Bila Khairy jadi Naib Ketua Pemuda, dia kenalah buat kerja, sejauh mana pengaruh dia kepada Pemuda bergantung kepada apa yang boleh dilakukan, diusahakannya... soal dia jadi menantu saya, saya tak anggap itu sebagai faktor nombor satu”

“Saya tahu satu perkara sejak jadi PM, apa yang saya buat, buruk baiknya banyak orang akan terima kesannya. Kalau baik Alhamdulillah, tapi kalau buruk ramai orang akan menderita, ini yang saya takut”

Kasih sayang, adil, ikhlas memanfaatkan rakyat

DARI MUKA 10

? Adakah kerana terlalu berlembut membuatkan orang salah anggap. Ini kerana mengikut konsep pengurusan Machiavelli umpamanya, pemimpin perlu popular dan ditakuti, dan jika ada satu pilihan saja, maka pilihannya ialah ditakuti.

Saya tahu dengan falsafah itu. Saya lebih suka saya dihormati. Sebagai orang Islam, saya tak pegang pada falsafah itu. Kita tak boleh kata matlamat menghalalkan cara, tak boleh begitu.

? Rakyat lihat perbandingan, seperti watak Lee Kuan Yew di Singapura. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir selama 22 tahun, begitu juga karekturnya (ditakuti) barulah negara kita akan berjalan, bila Pak Lah datang, sifat terlalu berlembut itu disalah anggap sebagai lembap.

Bukan soal lembut atau keras. Soalnya tegas dengan pendirian di atas apa yang difikirkan wajar dan benar. Keras, lembut, lembik itu lain, yang penting pada saya kebenaran dan keadilan, kalau yang dibuat itu benar dan adil, maka ada ketegasan dalam keputusan itu, tak payahlah nak 'gungho' lagi.

Saya pernah buat keputusan yang susah kepada saya tapi saya buat selesa, tak payah nak tunjuk

“ Saya lebih suka saya dihormati. Sebagai orang Islam, saya tak pegang pada falsafah itu. Kita tak boleh kata matlamat menghalalkan cara”

apa-apa.

? Tapi ada dalam keadaan kami lihat dua menteri yang menghuraikan satu masalah dengan nada berbeza.

Nada berbeza tak mengapa, jangan maklumat. Seseorang orang nadanya lembut. Datuk Seri S Samy Vellu cakap apa pun dengan (nada) keras, ada menteri lain, Mustafa Mohamed nada biasa saja. Yang penting jangan beza dari segi isi... itu yang selalu saya tegur dalam jemaah menteri.

? Ada mereka yang cakap berlainan.

Selalu kalau ada perbezaan, saya akan terus telefon mereka, masuk saja kereta saya telefon dan tanya mereka, untuk perbetulkan balik.


Pernah saya call (bekas Menteri Alam Sekitar) Datuk Lau Heng Ding, buat open burning saya tegur. Dr

Khair Toyo, mengenai masalah 200 penanam sayur dikerah tinggalkan kawasan itu... walaupun illegal, saya katakan kat dia agar semak sebelum perang mulut terjadi antara pekebun Cina dan kerajaan Melayu ... 80 peratus sayur KL datang dari kawasan itu... maka saya suruh Selangor halalkan kawasan itu dan jadikan kawasan penanaman sayur pelbagai kaum... begitu juga Datuk Seri Musa Aman...

? Memandangkan kita di ambang menyambut kemerdekaan, orang ramai sekarang bimbang dengan penjajahan baru, terutama pemilikan saham asing dalam syarikat tempatan terutama dari Singapura.

Apa salahnya syarikat lain nak beli dalam syarikat kita. Itu baik kerana mereka yakin dengan kita... Tapi yang penting, kontrol... Setakat ini tiada syarikat kita yang dikuasai orang lain, soalnya kita buka kepada semua orang termasuk dari Amerika Syarikat, Jepun, Korea... kalau Singapura berminat dia beli la, tapi banyak orang bila sebut Singapura mereka melenting, saya pun tak faham kenapa, tanya merekalah...

? Banyak persoalan dibangkitkan bahawa Pak Lah tidak menyokong Proton. Hari ini timbul kebimbangan seolah-olah pada era Pak Lah, projek Proton tak



mendapat perhatian sama sekali.

Projek ini memang mendapat perhatian. Saya tahu Proton sebuah syarikat nasional, kebanggaan rakyat Malaysia dan saya tak akan bemarkan Proton nanti tersungkur... jautuh.

Saya akan buat apa saja untuk membantu Proton dan ia banyak vendor dan kalau Proton sakit, banyak juga vendor akan sakit. Dengan itu saya telah mengambil kepastian Proton dipastikan tidak akan tersungkur atau gulung tikar.

? Termasuk menilai semula NAP yang menjadi punca (kelemahan Proton).

Ya kita tak ada masalah untuk menilai punca dan memperbaikinya.. pada saya tak pernah jadi masalah, kalau tak betul, kita betulkan dengan cepat.

“ Banyak yang datang supaya saya jangan cakap, nanti lebih kelam kabut, banyak juga yang tak seronok bila saya tak bercakap”

? Ramai orang tahu Datuk Seri ikhlas, tapi mungkin niat itu akan terganggu dengan kepentingan bisnes. Ada orang kata Kamaludin salah guna hubungan dengan Perdana Menteri untuk dapat bisnes.

Kamal (Kamaluddin) tak pernah salah guna hubungan dengan saya. Kamal buat bisnes dalam satu bidang, integrated oil & gas yang mana hanya ada dua syarikat seumpamanya di dunia (satu di Amerika), dia tak terbabit dengan mana-mana syarikat lain itu syarikat dia.

Dia beroperasi di luar negara, kalau mana-mana orang tanya dia akan kata, bapa dah jadi PM, susah nak cari makan, maka dia beroperasi di luar negara. Lebih 80 peratus bisnesnya dari luar negara... itu rezeki dia di luar negara. Petronas pernah juga beri kontrak untuk tender antarabangsa terbuka, itupun yang dia dapat itu terlalu kecil berbanding apa yang dia dapat dari luar negara.

Dia biasa bersaing dengan syarikat lain untuk mendapatkan tender, dia juga tender untuk projek dari Murphy, Shell dan Esso.

Itulah kerja dia. Kamaluddin tak pernah terlibat dalam mana-mana syarikat tempatan atau mana-mana konsesi, tak pernah kerajaan bail out (menyelamat) untuk dia.

Sejak jadi PM dan Menteri Kewangan, tidak pernah apa yang dia buat sampai pada pengetahuan saya yang kerananya saya angguk, tak dak langsung... dan dia pun bukan urus langsung syarikat itu, dia ada pengurusan, dia sebagai tuan punya (pemegang saham) dia buat dasar, seperti buat gerakan nak ambil alih syarikat Singapura yang ada 188 kapal untuk angkut arang batu di Indonesia.

? Ada orang kata projek monorel di Pulau Pinang pun diikhaskan untuk Kamaluddin.

Mana cakap macam tu, siapa cakap macam tu. I tell you Anuar, it's hard to be nice you know?

? Mungkin itu adakah sampai masanya untuk tak jadi nice, lembut.

Saya pun bimbang juga takut terlajak... nanti jadi susah saya..

? Mengapa Pak Lah memilih untuk berdiam diri terhadap dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun



Dr Mahathir Mohamad.

Saya memilih berdiam diri kerana tak mahu bertengkar dengan Tun (Dr Mahathir) dalam surat khabar... dan Tun sendiri pernah kata, dia rasa kecil hati kerana maklumat yang hendak didengar tidak diperolehi, maka kalau PM tak cakap, berilah menteri-menteri bercakap.

Jadi saya pilih supaya menteri bercakap. Banyak perkara yang Tun sebut, ia ada kaitan dengan menteri berkaitan dalam bidang kementerian tertentu, mereka bertanggungjawab menjelaskan kepada rakyat, rakyat yang ingin tahu...

Itu yang dijelaskan, jemaah menteri juga lebih suka jika saya tak bercakap, dan banyak orang yang menganggap saya tak bercakap itu adalah baik. Banyak yang datang supaya saya jangan cakap, nanti lebih kelam kabut, banyak juga yang tak seronok bila saya tak bercakap. Persoalan sekarang ditunjukkan kepada kerajaan dan kerajaan menjawab.

? Bagaimana persoalan berkaitan keluarga

Saya tak suka membawa hal berkaitan keluarga, tapi saya tahu anak-anak saya tak terbabit dalam perkara yang menjadi tuduhan pihak tertentu, sekarang saudara tanya maka saya jawablah.

Anak saya tak terbabit dalam mana-mana konsesi kerajaan atau mengharapkan bail out atau bantuan dengan minta tu dan ini, semua mereka kerja sendiri, Khairy sebagai menantu, dia kerja sendiri, dia cari kerja takkanlah hidup tak ada pekerjaan, ada anak isteri macam mana nak jaga.

“ Jadi PM adalah fardu kifayah, bila lagi nak buat amal soleh, dengan kuasa begitu besar tentu saya nak adil kepada semua”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

? Dakwaan ini tak produktif, persepsi sebegini bagaimana nak menanganinya.

Persepsi berkembang cepat... saya ni kalau masuk main bola, baru main 10 minit orang hukum saya macam mana ni... saya belum panas, belum tingkat tempo nak bergerak.

Cara saya berbeza dengan Tun Mahathir. Cara dia amat berlainan, tapi saya tak pernah lari daripada apa matlamat, matlamat saya Wawasan 2020. Mengenai cara, ia adalah cara saya seiring dengan keadaan sekarang, tambahan pula dengan harga minyak dah naik. Kita kena pilih cara, saya bertanggungjawab apa yang saya fikir...

Orang kata semua diputuskan Khairy... Khairy mana ada Khairy... takkanlah selepas menderita sekian lama dalam politik begitu susah, bila dapat jadi PM saya serah kuasa kat dia, mana boleh...

? Agenda besar RMK-9, ada yang kata orang Melayu saja dapat manfaat.

Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, basmi miskin tegar selewat-lewatnya menjelang 2010 tanpa mengira kaum, tapi orang Melayu yang lebih banyak miskin, jadi kita beri perhatian kepada golongan ramai, sedangkan kita tak pernah abaikan kaum lain... India dapat dana khas.

Saya berpegang kuat kepada strategi bahawa apa juga kita buat akan mendapat manfaat daripada sekalian rakyat, saya PM dan Pengerusi BN, yang sokong saya semua kaum, takkanlah bila saya jadi PM, tak tolong semua kaum. Ini selaras dengan al-Quran, kita kena adil dengan semua manusia... bukan orang Islam saja.

Saya berpegang bahawa sebagai PM, ia adalah amal ibadah, ia fardu kifayah, bila lagi nak buat amal soleh, dengan kuasa begitu besar sebagai PM, tentu saya nak adil kepada semua... inilah pegangan saya...

? Fokus untuk bekerja kepada rakyat. Formula bulan madu sepanjang hayat dengan Hendon (arwah), boleh dibahagikan kepada rakyat.

Kasih sayang, adil dan ikhlas. Inilah pegangan saya untuk manfaat semua rakyat.

